



Pengenalan Pengakap Malaysia

Nota Sejarah, Logo,
Jenis dan Bendera Pengakap

SEJARAH PENGAKAP

Kepengakapan wujud di dunia ini hasil kejayaan perkhemahan anjuran [Robert Baden-Powell](#) atau lebih dikenali sebagai BP, di Pulau Brownsea, England pada 31 Julai hingga 9 Ogos 1907. Dari situ, kegiatan berpengakap telahpun muncul di tanahair seawal 1908 lagi dianggotai oleh anak-anak pegawai-pegawai British. Pasukan pertama pengakap bagaimanapun ditubuhkan di Singapura pada 1910 oleh Sir [Frank Cooper Sands](#), seorang pemimpin dari Nottingham, England. Untuk dua dekad seterusnya pergerakan pengakap tersebar ke seluruh Tanah Melayu dan Borneo.

Kronologi penubuhan pasukan pengakap di negeri-negeri

Setelah aktiviti kepengakapan tersebar luas, keperluan untuk mewujudkan badan penyelaras disedari. Sejurus selepas [Perang Dunia Kedua](#), pergerakan pengakap di Tanah Melayu disusun semula menjadi Persekutuan Budak Pengakap Tanah Melayu. Apabila Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, persekutuan ini diterima sebagai ahli Persekutuan Pengakap Sedunia pada 1 September 1957. Seterusnya, apabila Sabah, Sarawak dan Singapura bergabung bersama Tanah Melayu membentuk Malaysia, pergerakan pengakap negeri-negeri tersebut juga turut bergabung. Hasilnya pada November 1964 Persekutuan Pengakap Malaysia ditubuhkan.

Persekutuan Pengakap Malaysia diperbadankan melalui Akta Persekutuan Pengakap Malaysia (Pemerbadan) 1968, dan (Semakan) 1989. Dengan keistimewaan ini Duli-duli Yang Maha Mulia [Yang di-Pertuan Agong](#) dan Raja-raja Melayu serta Tuan-tuan Yang Terutama merupakan penaung pergerakan pengakap di peringkat negeri dan nasional.

BENDERA PENGAKAP



JENIS-JENIS PENGAKAP

1. Pengakap Lebah

Keahlian oleh murid-murid tadika atau prasekolah yang berumur 4-6 tahun

2. Pengakap Kanak-kanak

Keahlian murid-murid yang berumur dari 9 hingga 12 tahun.

3. Pengakap Muda

Keahlian pelajar-pelajar sekolah menengah dari umur 13 hingga 15 tahun.

4. Pengakap Remaja

Keahlian pelajar-pelajar sekolah menengah dari umur 14 hingga 17 tahun


5. Pengakap Raja

Anugerah tertinggi bagi Persekutuan Pengakap Malaysia. Sijil Pengakap Raja ditandatangani oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong serta semua sultan di Malaysia.

6. Pengakap Kelana

Keahlian oleh ahli pengakap yang berumur antara 17 hingga 26 tahun

LOGO PENGAKAP




KUIZ PENGENALAN PENGAKAP

1. Tandakan (/) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah.

a. Pengasas Pengakap ialah Robert Baden-Powell.	
b. Persekutuan Pengakap Malaysia diperbadankan melalui Akta Persekutuan Pengakap Malaysia (Pemerbadan) 1978, dan (Semakan) 1979.	
c. Terdapat 6 jenis pengakap iaitu Pengakap Lebah, Pengakap Kanak-kanak. Pengakap Remaja, Pengakap Raja dan Pengakap Kelana.	
d. Pengakap Muda terdiri daripada murid-murid berumur 9 hingga 12 tahun.	
e. Bendera Pengakap berwarna biru muda.	

Melabelkan maksud logo Pengakap.



10 undang-undang
pengakap

persetiaan pengakap

Persaudaraan pengakap

14 buah negeri di
Malaysia

Agama rasmi Malaysia,
iaitu Islam